

REFLEKSI PELAJAR TERHADAP KEBERKESANAN KURSUS LATIHAN INDUSTRI: KAJIAN KES PELAJAR POLITEKNIK MUADZAM SHAH (Student Reflection on The Effectiveness of Industrial Training Courses: Study Case of Polytechnic Muadzam Shah Students)

* Muzafar Mat Yusof¹, Nur Hidayah Mohiddin¹

¹Unit Perhubungan dan Latihan Industri
Politeknik Muadzam Shah (PMS)
26700 Muadzam Shah, Pahang, Malaysia.

*Corresponding author's email: muzafar@pms.edu.my

Article History:

Submit: 21 August 2018

Accepted: 1 November 2018

Revised: 6 November 2018

Published: 31 December 2018

Attarbawiy: *Malaysian Online Journal of Education*

Vol. 2, No. 2 (2018), 46-54

Abstrak

Latihan industri merupakan salah satu program yang dilaksanakan oleh Politeknik untuk mendedahkan kepada pelajar dengan konsep sebenar alam pekerjaan. Dalam latihan industri, para pelajar akan memperolehi kemahiran-kemahiran tertentu yang bersesuaian dengan bidang yang diambil. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk menilai sumbangan latihan industri terhadap peningkatan kemahiran pelajar-pelajar di Politeknik. Di samping itu, kajian ini juga ingin mengenalpasti tahap skop kerja yang diberikan oleh pihak industri dan peluang kerjaya selepas tamat latihan tersebut. Seramai 506 responden yang terdiri daripada pelajar latihan industri Politeknik Muadzam Shah, Pahang bagi sesi Disember 2017 dipilih bagi kajian ini. Data dianalisis secara diskriptif menggunakan perisian SPSS. Hasil kajian menunjukkan maklumbalas responden terhadap kemahiran yang di dedahkan oleh pihak industri amat memberangsangkan. Semua kemahiran yang diukur menunjukkan skor min melebihi 4.0. Bagi tahap peratusan skop kerja pula, lebih daripada 50 peratus daripada responden mendapat skop kerja yang memenuhi keperluan dan kemahiran bidang pengajian mereka. Begitu juga dengan kadar peluang kerjaya selepas tamat latihan industri yang menunjukkan lebih daripada separuh responden mendapat peluang tersebut. Secara keseluruhannya, latihan industri yang dijalankan telah dapat meningkatkan kemahiran dan peluang pelajar dimasa hadapan.

Kata kunci: latihan industri, kemahiran, skop kerja, kerjaya

Abstract

Industrial training is one of the programs implemented by Polytechnics to expose students to the real concept of working environment. In industrial training, students will acquire certain skills that are relevant to the field being taken. Therefore, this study was conducted to assess the contribution of industrial training to the improvement of the students' skills in Polytechnic. In addition, this study also wants to identify the scope of work provided by the industry and career opportunities after completing the training. A total of 506 respondents from Polytechnic Muadzam Shah, Pahang training students for the December 2017 session were selected for this study. Data were analyzed descriptively using SPSS software. The results showed that the respondents' responses to the skills exposed by the industry were very encouraging. All the measured skills showed a mean score of more than 4.0. For the percentage level of the scope of work, more than 50 per cent of the respondents get a scope of work that satisfies the needs and skills of their field of study. Similarly, career opportunities after completion of industrial training show that more than half of respondents get the opportunity. Overall, industrial training has been able to improve the future skills and opportunities of the students.

Keywords: industrial training, skills, scope of work, career

1.0 PENGENALAN

Di Malaysia, pembangunan sumber manusia yang mempunyai kemahiran dan berkemampuan amatlah ditekankan. Untuk tujuan berkenaan, pendidikan dan latihan kemahiran telah mengalami proses perubahan dari semasa ke semasa selaras dengan perkembangan teknologi negara. Latihan industri atau praktikal sebenarnya memainkan peranan penting bagi meningkatkan pengetahuan, kemahiran, kepakaran serta kecekapan. Dalam perancangan sistem pendidikan negara juga, keperluan untuk melahirkan tenaga kerja mahir tidak diabaikan. Bagi melatih tenaga manusia ini, ianya memerlukan sesuatu latihan yang

khusus bagi membentuk dan melahirkan tenaga kerja mahir dalam pelbagai bidang pekerjaan. Tenaga kerja mahir adalah sangat diperlukan bagi sesebuah negara untuk tujuan pembangunan.

Menerusi 10 lonjakan yang dikenalpasti dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) atau singkatannya PPPM (PT) 2015-2025, Kementerian Pendidikan Tinggi berhasrat untuk menghasilkan graduan TVET yang berkualiti. Dalam merealisasikan matlamat ini, inisiatif melalui penglibatan pihak industri dalam merangka dan melaksanakan kurikulum menerusi model kerjasama baharu serta meningkatkan kaedah penyampaian latihan perlu diberi penekanan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Terdapat banyak institusi yang menyediakan latihan untuk memenuhi sektor pekerjaan. Antaranya adalah Politeknik Malaysia yang merupakan salah satu Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA). Politeknik bertanggungjawab untuk melahirkan graduan yang berkebolehan untuk menjadi tenaga mahir dan separuh mahir dalam pelbagai bidang untuk diserapkan ke dalam sektor perindustrian.

Latihan industri merupakan platform untuk pelajar akademik mahupun teknikal untuk mengintegrasikan pengetahuan teori dengan persekitaran kerja sebenar serta mempraktikkan ilmu yang diperolehi. Program ini amatlah penting bagi mereka untuk menggunakan pengetahuan teori yang sebelum ini diperolehi di dalam bilik darjah atau kuliah (Bakar. M. J, Harun. R. J, 2011; Idrus, Mohamed Noor, Salleh, & Mohd Hashim, 2010). Melalui program latihan ini, para pelajar akan mempunyai kemahiran praktikal yang dapat meningkatkan pemahaman mereka tentang isu kerja yang signifikan dan meningkatkan kebolehpasaran. Oleh itu, latihan industri menyediakan ruang dan peluang yang unik bagi pelajar untuk belajar tentang peranan dan tugas yang berkaitan dengan bidang pengajian mereka. Tambahan pula, keperluan untuk menjalankan program ini adalah satu kemestian untuk semua pelajar tanpa mengira jantina kerana kajian yang dijalankan oleh Muhamad (2009) dan Warinda (2013) menunjukkan bahawa tidak ada perbezaan yang signifikan antara jantina yang menjalankan latihan ini. Ini bermakna bahawa latihan industri adalah penting untuk kedua-dua jantina iaitu graduan lelaki dan perempuan.

Program latihan industri telah membantu mewujudkan nilai positif dalam kalangan pelajar tanpa mengira tugas atau kerja yang dilibatkan oleh majikan terhadap mereka (Ab Rahman et al., 2009). Begitu juga dengan penilaian, persepsi atau kepuasan pelajar terhadap latihan industri telah banyak dibincangkan dalam kajian lepas seperti (Esiya-Donkoh, Ahmed, Amihere, Asonaba, & Addison, 2015; Jalani, Norjali, Mashori, & Sadun, 2017; Seyitoğlu & Yirik, 2015). Kajian ini menunjukkan skor yang tinggi dalam penilaian pelajar terhadap program latihan industri seperti meningkatkan keyakinan diri, meningkatkan pengetahuan dan kerja berpasukan mereka, meningkatkan keyakinan untuk berada dalam dunia kerjaya dan memperolehi pengalaman yang meyakinkan pelajar untuk menubuhkan perniagaan sendiri pada masa akan datang.

Oleh itu, pendedahan awal kepada pelajar telah dilakukan menerusi latihan industri yang diwajibkan kepada semua pelajar sebelum mereka bergraduasi dan meyertai alam kerjaya. Latihan industri amat penting bagi mendedahkan kepada para pelajar dengan konsep sebenar alam pekerjaan serta menghubungkan teori dengan amali agar pengetahuan pelajar dapat digunakan seoptimum mungkin. Hasilnya, para pelajar akan dapat dilengkapi dengan pengetahuan, kecekapan dan kebolehan sebelum mereka menceburi alam pekerjaan. Namun begitu, hakikat sebenar program latihan industri ini adalah untuk memberi peluang kepada para pelajar keluar daripada suasana di dalam kampus untuk melihat sendiri perubahan dan pembangunan teknologi negara. Pendedahan ini diharapkan dapat melahirkan satu generasi ahli teknologi yang lebih menyeluruh sejajar dengan wawasan negara. Latihan industri juga akan memberi peluang kepada pelajar memahami dengan lebih dekat berhubung pelbagai aspek pengurusan dan kemahiran berkomunikasi antara staf dari pelbagai peringkat.

2.0 PENYATAAN MASALAH

Untuk meningkatkan keberkesanan latihan industri ini, maka perlu ada hubungan yang simbiosis antara institusi pendidikan dan industri untuk melahirkan pekerja yang berkemahiran bagi keuntungan kedua-dua belah pihak. Para pelajar yang merupakan bakal pekerja serta peranan industri perlu menyediakan peluang yang boleh membuka minda pelajar dan menambah ilmu serta kemahiran pelajar semasa menjalani latihan industri. Namun begitu program latihan industri ada kalanya tidak menampakkan kesan yang agak memberangsangkan. Ia adalah disebabkan oleh kurangnya kerjasama antara pihak politeknik dan industri yang terlibat. Sikap pelajar juga memainkan peranan yang besar dalam menyumbang ke arah kejayaan program latihan industri ini (Bakar. M. J, Harun. R. J, 2011).

Menurut Datta, Kumar Biswakarma, & Bandana Nayak (2013) dan Osman et al. (2016), pihak majikan mempunyai kriteria tertentu dalam memilih bakal pekerja. Kriteria tersebut adalah kemahiran komunikasi, kemahiran menyelesaikan masalah, kepimpinan dan sebagainya. Latihan industri yang dijalankan sepatutnya dapat memberi sumbangan terhadap peningkatan kemahiran pelajar-pelajar. (Warinda, 2013) menyatakan terdapat satu pertentangan di antara jangkaan industri dan pelajar. Pelajar mengharapkan agar diberikan pendedahan kerja dan kemahiran semasa penempatan latihan industri mereka, sebaliknya syarikat atau industri mengharapkan pelajar dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh di kampus sebelum memulakan latihan mereka. Di sini timbul persoalan, adakah kemahiran-kemahiran ini diterapkan semasa pelajar-pelajar semasa menjalani latihan industri?

Dalam melahirkan graduan yang berkualiti, program latihan industri telah membantu meningkatkan kredibiliti pelajar untuk menjadi pekerja profesional dan separa profesional dalam pelbagai bidang. Kajian penyelidikan oleh Renganathan, Ambri Bin Abdul Karim, & Su Li (2012), mendapati bahawa program latihan industri boleh meningkatkan keyakinan diri, keupayaan menyelesaikan masalah, meningkatkan kemahiran interaksi sosial dan pelbagai lagi. Dalam bidang teknikal, tujuan latihan industri adalah untuk menyesuaikan kemahiran teknikal dalam penggunaan perisian dan peralatan dengan skop kerja yang ditawarkan oleh pihak industri. Di samping itu, latihan industri juga memberi tumpuan kepada amalan kejuruteraan industri dan pengetahuan sebenar berdasarkan skop kerja di organisasi. Namun, terdapat juga industri atau majikan yang mengambil kesempatan dengan tidak memberi skop kerja dan kemahiran yang diperlukan oleh pelajar latihan industri. Ini menyebabkan pelajar memberi persepsi yang buruk terhadap program ini dan menganggap program latihan ini tidak memberi sebarang impak dalam pengajian mereka.

Peluang untuk terus berada di alam kerjaya apabila sudah selesai latihan industri turut menjadi tumpuan penyelidik kini. Isu kebolehpasaran graduan sebenarnya bermula apabila pelajar melangkah ke fasa latihan industri. Pelajar yang bijak dalam merancang kerjaya serta peluang yang diberikan oleh pihak industri memainkan peranan yang penting. Melalui latihan industri, pelajar dapat mengasah kemahiran yang diperlukan dan pada masa yang sama pihak majikan akan menilai prestasi mereka. Banyak kajian yang lepas menunjukkan pelajar yang berprestasi tinggi semasa latihan industri menjadi buruan pihak industri dan majikan diluar sana. Sehubungan dengan itu, adalah penting untuk pihak penyelidik melihat secara umum, peluang atau ruang kerjaya yang diberikan oleh pihak majikan atau industri diluar sana kepada pelajar latihan industri politeknik (Osman et al., 2016).

Oleh itu, kerjasama daripada semua pihak yang terbabit khususnya pihak Politeknik, industri dan pelajar itu sendiri memainkan peranan besar dalam menyumbang ke arah keberkesanan program latihan industri ini. Oleh sebab itu, penyelidik ingin meninjau sejauh mana sumbangan latihan industri terhadap peningkatan kemahiran pelajar politeknik khususnya bagi pelajar-pelajar yang telah mengikuti latihan industri. Maklum balas pelajar terhadap skop kerja semasa latihan industri dan peluang kerja yang diberikan oleh pihak industri turut diambil perhatian dalam kajian ini. Maklum balas dari pelajar latihan industri ini boleh digunakan untuk menilai sejauh mana keberkesanan program latihan industri ini dan dijadikan rujukan untuk mengemaskini semula program latihan industri.

3.0 SOROTAN KAJIAN

Kajian lepas menunjukkan bahawa firma menggunakan latihan industri sebagai medium untuk merekrut pekerja masa hadapan. Patki, Patki, & August (2015) menyatakan organisasi yang mengupah pelajar latihan industri akan menjimatkan antara USD 6200 hingga USD 15000 setiap orang dalam kos untuk pengambilan dan latihan pekerja. Satu kajian yang dijalankan oleh Nduro, Anderson, Peprah, & Twenefour (2015) mendapati bahawa syarikat lebih cenderung untuk mengupah pekerja berdasarkan pengalaman kerja. Walau bagaimanapun, terdapat satu pertentangan di antara jangkaan industri dan pelajar. Sebagai salah satu komponen dalam silibus kurikulum pendidikan tinggi yang menggalakkan pemikiran kritis, latihan industri diyakini dapat mewujudkan situasi menang-menang untuk pelajar, organisasi dan universiti.

Latihan industri di peringkat institusi pengajian tinggi merupakan satu program yang popular dalam sistem pendidikan semasa kerana program tersebut diharapkan dapat memenuhi harapan dan keperluan majikan atau industri di luar. Impak latihan industri ini terlalu banyak. Latihan industri adalah program berstruktur yang bertujuan untuk memberikan latihan praktikal dibawah pengawasan serta dalam jangka waktu tertentu (Meenaloshini, Boosroh, & Yusoff, 2005). Latihan industri menyediakan peluang yang baik untuk para pelajar untuk melibatkan diri mereka dalam persekitaran kerja yang sebenar.

Program latihan industri atau praktikal ini menghubungkan pengetahuan teori yang pelajar telah belajar di dalam kelas atau kuliah dengan kemahiran praktikal yang diperolehi dari persekitaran komersil. Majikan pada masa kini lebih suka mengupah sumber manusia yang sudah mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk mengekalkan kualiti perniagaan dan meminimumkan perbelanjaan untuk latihan pekerja. Kemahiran pekerjaan atau kemahiran kesediaan pekerjaan adalah kemahiran asas yang diperlukan untuk melaksanakan tugas tersebut.. Tahap penyesuaian terhadap persekitaran kerja akan meningkat atau mudah bagi graduan yang telah menjalani latihan industri berbanding dengan graduan tanpa pendedahan pengalaman praktikal. Tempoh latihan industri yang bersesuaian boleh menjadi mekanisma yang terbaik untuk meningkatkan peluang pekerjaan kepada graduan (Effah, Boampong, Adu, Anokye, & Asamoah, 2014).

Banyak kajian mengenai keberkesanan latihan industri telah menunjukkan bahawa program latihan ini memberi manfaat kepada kedua-dua pihak iaitu organisasi dan pelajar. Latihan ini membantu pelajar mengenal pasti kemahiran pekerjaan dan membolehkan mereka mengembangkan kemahiran yang diperlukan untuk meningkatkan peluang untuk ditawarkan pekerjaan. Keupayaan kerja atau kebolehpasaran adalah kapasiti individu untuk memperoleh pekerjaan dalam pasaran kerja yang kompetitif (Jalani et al., 2017). Latihan industri menyediakan pengalaman kerja sebenar kepada para pelajar dan juga peluang bagi majikan untuk mengenal pasti pekerja berpotensi untuk organisasi mereka. Pelajar dapat menilai pengetahuan teori yang diperolehi di dalam bilik darjah dengan pengetahuan praktikal dan kemahiran yang diperlukan untuk dilaksanakan di tempat kerja. Latihan industri menyediakan peluang kepada institusi pendidikan untuk mengenalpasti ketidaksesuaian antara kursus / kurikulum yang ditawarkan dan pengalaman praktikal yang diperolehi melalui maklum balas pelajar. Mengetahui ketidaksesuaian akan membantu para pendidik untuk mengkaji semula kurikulum latihan industri serta mengikut keperluan dan jangkaan pihak industri. Pengetahuan yang diperolehi oleh pelajar dari latihan industri adalah tidak terhad, ia juga mengajarkan proses dan seni pembelajaran, dan membolehkan mereka memperbaiki keterampilan dan pengetahuan mereka (Seyitoğlu & Yirik, 2015). Para pelatih atau pelajar latihan industri yang berjaya menunjukkan prestasi yang baik berpeluang untuk diserap bekerja. Para graduan atau pelatih akan menggunakan kesempatan semasa latihan industri ini dan cuba untuk menarik perhatian majikan dengan melakukan yang terbaik semasa latihan untuk tujuan masa hadapan kerjaya mereka.

Institusi pendidikan dan industri juga berminat dalam menandatangani memorandum persefahaman kerana program ini memberi faedah bersama. Latihan ini amat penting untuk ahli akademik kerana kebanyakannya berkaitan untuk mempromosikan program dan lulusan mereka serta kemungkinan untuk mewujudkan dan mengekalkan hubungan baik dengan pihak industri (Bakar. M. J, Harun. R. J, 2011). Institusi pendidikan berminat untuk menghasilkan pelajar dengan kemahiran pekerjaan melalui latihan industri. Pihak industri pula berminat untuk mengetahui tahap pengetahuan dan kemahiran pelajar dikampus kerana faktor ini sedikit sebanyak membantu mereka dalam mencari pekerja mahir selain untuk meminimumkan perbelanjaan berkaitan latihan dan pengiklanan serta mengurangkan masa. Para graduan yang berpengalaman serta berkemahiran sentiasa menjadi rebutan para majikan diluar. Institusi pendidikan yang menjalankan dan melaksanakan latihan industri pelajar adalah bertujuan untuk melengkapkan mereka dengan kemahiran pekerjaan serta memaksimumkan kebolehpasaran mereka.

3.1 Latihan Industri Politeknik Malaysia

Kursus latihan industri dalam kurikulum Politeknik Malaysia bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar kepada kompetensi tempat kerja yang berkaitan dengan permintaan. kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar dari segi celik teknologi, komunikasi yang berkesan, mengamalkan kemahiran sosial dan kerja berpasukan, dasar, prosedur dan peraturan, etika profesional dan pelaporan. Kursus ini juga akan melengkapkan pelajar dengan pengalaman kerja yang sebenar yang mana dapat membantu para pelajar untuk bersedia menghadapi dunia pekerjaan sebagai pekerja baru.

Kursus ini dijalankan selama 20 minggu di industri yang dipilih oleh pelajar atau melalui unit perhubungan dan latihan industri politeknik masing-masing. Sepanjang pelajar menjalani latihan industri, diharapkan mereka dapat mencapai beberapa objektif atau hasil pembelajaran yang diharapkan dalam kursus ini seperti berikut:

- a) Mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan di tempat kerja.

Melaksanakan tugas secara hands-on, penggunaan alat dan peralatan, menyesuaikan diri dengan kepelbagaian teknologi, mengaplikasi pengetahuan dalam melaksanakan tugas, mempamerkan peningkatan dalam pengetahuan dan kemahiran serta berfikir secara kreatif dan kritis.

- b) Berkomunikasi secara berkesan dengan orang lain.
Berkeupayaan menerima dan memahami maklumat, melaksanakan arahan, menganalisa maklumat secara langsung dan tidak langsung, berkomunikasi secara lisan dan bukan lisan yang sesuai dengan semua peringkat kakitangan serta mempunyai kemahiran asas rundingcara.
- c) Mengamalkan kerja secara berpasukan
Berpesonality positif, melibatkan diri secara aktif dalam pasukan, melaksanakan tugas dalam situasi yang sesuai serta membina dan mengekalkan hubungan yang baik dalam pasukan.
- d) Profesional dan beretika mengikut polisi, prosidur dan peraturan organisasi
Mematuhi polisi, peraturan organisasi, prosedur kerja serta arahan keselamatan dan kesihatan; Menghantar laporan pada masa yang ditetapkan dan disahkan oleh penyelia, berdikari, rekod kehadiran cemerlang, menepati masa serta berkebolehan menyelesaikan masalah dengan tindakan yang bijak.
- e) Menjelaskan tugas yang diberikan (semasa latihan industri) mengikut format yang ditetapkan.
Menyampaikan idea dan pandangan serta melaporkan tugas

Sepanjang pelajar menjalani latihan industri, sesi pemantauan oleh pensyarah pemantau akan dilaksanakan sekurang-kurangnya satu kali. Ini bagi membolehkan pihak politeknik mendapat maklum balas daripada pelajar dan pihak industri bagi memantapkan lagi pelaksanaan latihan industri ini. Pada sesi pemantauan ini juga pelajar akan dinilai oleh pensyarah pemantau bagi melengkapkan komponen penilaian kursus latihan industri. Selain daripada itu terdapat beberapa komponen penilaian lagi yang akan dinilai oleh pihak industri dan pensyarah di politeknik. Pemberatan penilaian lebih kepada pihak industri memandangkan pihak penyelia di industri lebih memahami dan memerhatikan gerak kerja yang dilaksanakan oleh pelajar latihan industri. Pensyarah di politeknik pula akan menilai kepada hasil dokumentasi dan pembentangan pelajar.

Secara umumnya, pengurusan pelaksanaan latihan industri pelajar Politeknik Malaysia tidak mempunyai permasalahan yang besar. Mungkin terdapat sedikit isu atau cabaran yang terpaksa ditempuhi terutamanya melibatkan sikap pelajar dan individu dalam industri itu sendiri yang perlu ditangani dengan sebaik yang mungkin. Walaubagaimanapun kursus ini tetap dapat dijayakan dan dirancang dengan sebaik yang mungkin kerana impaknya yang besar terhadap pelajar, pihak industri dan politeknik. Oleh sebab itu, maklumbalas daripada ketiga-tiga pihak iaitu pelajar latihan industri, pihak industri dan politeknik amat penting bagi memastikan kursus atau latihan ini dapat diperkasakan atau ditambahbaik pada masa kana datang.

4.0 OBJEKTIF KAJIAN

4.1 Kajian ini bertujuan untuk:

- a) Mengenal pasti tahap kemahiran-kemahiran yang telah diterapkan oleh industri kepada pelajar-pelajar semasa menjalani latihan industri.
- b) Mengenal pasti tahap pendedahan kerja yang berkaitan program pengajian pelajar semasa mengikuti latihan industri.
- c) Mengenal pasti trend halatuju pelajar latihan industri setelah tamat latihan industri dan pengajian.

5.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif. Data dikumpulkan dengan cara mengedar pautan borang kaji selidik secara atas talian kepada pelajar latihan industri semua jabatan dan program di Politeknik Muadzam Shah (PMS), Pahang bagi sesi Disember 2017. Bagi sesi Disember 2017, jumlah pelajar yang mengikuti kursus latihan industri adalah seramai 605 orang pelajar. Daripada jumlah tersebut, seramai 506 (83.6%) orang pelajar telah memberi maklumbalas terhadap borang soal selidik yang diedarkan. Kesemua maklumbalas yang lengkap digunakan untuk dianalisis dalam kajian ini. Jadual 1 berikut merupakan demografi responden mengikut jabatan akademik yang telah memberi kerjasama dalam kajian ini.

Jadual 1: Demografi Responden

Jabatan Akademik	Jumlah responden	Peratus (%)
Jabatan Kejuruteraan Mekanikal	100	19.7
Jabatan Reka Bentuk dan Komunikasi Visual	102	20.2
Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi	159	31.4
Jabatan Perdagangan	85	16.8
Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti	60	11.9
Jumlah Keseluruhan	506	100

6.0 DAPATAN KAJIAN

6.1 Kemahiran Yang Diterapkan Oleh Industri

Hasil kajian menunjukkan keseluruhan kemahiran yang diterapkan oleh pihak industri kepada pelajar PMS yang menjalani latihan industri adalah ditahap yang tinggi (min 4.2). Analisis bagi setiap kemahiran yang diterapkan juga menunjukkan tahap yang tinggi. Antara kemahiran yang paling tinggi diterapkan adalah kemahiran komunikasi dengan rakan sekerja dan mendengar. Jadual 2 berikut menunjukkan keseluruhan kemahiran yang diterapkan oleh pihak industri terhadap pelajar latihan industri PMS.

Jadual 2: Refleksi pelajar terhadap kemahiran yang diterapkan oleh pihak industri

Kemahiran	Min
Kemahiran softskills	4.04
Kemahiran menggunakan perisian komputer	4.08
Kemahiran menggunakan peralatan	4.13
Kemahiran komunikasi dengan pihak atasan	4.15
Kemahiran komunikasi dengan rakan sekerja	4.60
Kemahiran menganalisis arahan	4.23
Kemahiran mendengar	4.30
Kemahiran pengurusan masa	4.23
Kemahiran menulis laporan	4.02
Kemahiran membentangkan laporan /hasil	4.01

6.2 Pendedahan skop kerja berkaitan program pengajian


Melalui analisis, hasil kajian menunjukkan lebih daripada 80% atau 420 orang pelajar latihan industri PMS diberi pendedahan dengan kerja yang berkaitan dengan program pengajian. Namun begitu terdapat juga pelajar yang tidak diberi pendedahan yang optimum berkaitan bidang pengajian mereka semasa menjalani latihan industri. Pendedahan bidang kerja yang kurang daripada 50 peratus berkaitan bidang pengajian pelajar adalah 17 peratus atau melibatkan 86 orang pelajar. Jadual 3 berikut menunjukkan secara keseluruhan peratusan skop kerja yang berkaitan dengan program pengajian untuk pelajar latihan industri PMS bagi sesi Disember 2017.

Jadual 3: Pendedahan Skop Kerja Berkaitan Program Pengajian

Peratus Mengikut Skop Kerja	Jumlah Pelajar	Peratus (%)
> 75 %	206	40.7
51 – 75%	214	42.3
25 – 50%	67	13.2
< 25%	19	3.8
Jumlah	506	100

6.3 Penawaran pekerjaan oleh pihak industri kepada pelajar LI

Hasil kajian menunjukkan lebih daripada separuh iaitu 60.9 % atau 308 orang pelajar latihan industri PMS sesi Disember 2017 memperolehi tawaran kerja dari industri/firma tempat mereka menjalani latihan industri. Manakala 198 orang pelajar atau 39.1% tidak ditawarkan pekerjaan oleh majikan tempat mereka menjalani latihan industri. Ini menunjukkan peluang pekerjaan untuk pelajar latihan industri PMS selepas sahaja tamat kursus latihan industri adalah tinggi.



Rajah 1: Penawaran peluang pekerjaan oleh pihak industri selepas tamat latihan.

7.0 PERBINCANGAN

Berdasarkan analisis yang dilakukan, secara keseluruhannya industri atau majikan telah menerapkan beberapa kemahiran yang diharapkan kepada pelajar. Hal ini terbukti kerana skor min kemahiran-kemahiran yang diterapkan ini berada pada tahap yang tinggi. Untuk kemahiran softskill skor min yang diperolehi adalah 4.04. Bagi kemahiran menggunakan perisian komputer pula skor min yang diperolehi adalah sebanyak 4.08. Ini jelas membuktikan bahawa majikan menekankan aspek ini semasa pelajar menjalani latihan industri. Dalam konteks ini, pelajar sebagai bakal pekerja seharusnya mempunyai kemahiran ini sejajar dengan perkembangan teknologi ICT semasa. Begitu juga dengan penggunaan perlatan, kebanyakan industri telah memberi pendedahan yang meluas kepada pelajar latihan industri sesuai dengan program mereka. Ini dapat dilihat melalui skor min kemahiran ini iaitu 4.13.

Bagi kemahiran komunikasi pula skor min adalah 4.13 dan 4.15. Didapati bahawa dalam dunia pekerjaan, aspek ini sangat diperlukan dalam diri setiap pekerja dalam melancarkan tugas yang dilaksanakan. Pekerja perlu mampu untuk berkomunikasi dengan baik dengan rakan-rakan sekerja tidak kira peringkat bawahan ataupun atasan. Di sini, mereka perlu untuk berkebolehan mengutarakan pendapat dan idea dengan berkesan dan juga boleh bersoal jawab tentang sesuatu isu secara rasional. Kemahiran komunikasi ini amat penting bagi memastikan pekerja tersebut mempunyai hubungan yang baik sesama rakan sekerja (Ismail Bakar, 2003). Kemahiran komunikasi yang baik membolehkan arahan yang diberikan dapat dianalisis dengan baik. Ini dapat dilihat melalui skor min bagi kemahiran menganalisis arahan iaitu 4.23. Kemahiran pengurusan masa turut mempunyai nilai skor min yang sama.

Dari aspek kemahiran penulisan dan pembentangan hasil pula, pelatih perlu mampu menulis sesuatu laporan dengan tepat dan mudah difahami agar sesuatu mesej dapat disampaikan dengan jelas. Kebolehan menyampaikan mesej dengan jelas dan bebas daripada kekeliruan akan membangkitkan dorongan bekerja yang tinggi di kalangan pekerja, mengelakkan berlakunya konflik dan salah faham serta membangkitkan rasa saling percaya mempercayai di antara satu sama lain. Bagi kemahiran menulis dan membenteng laporan, masing-masing mempunyai skor min 4.02 dan 4.01. Kesimpulannya, kesemua kemahiran yang terapkan oleh pihak industri adalah penting untuk melahirkan tenaga kerja yang serba boleh. Ini dibuktikan melalui analisis yang dibuat telah menunjukkan kemahiran ini telah ditekankan semasa para pelajar menjalani latihan industri.

Seterusnya adalah pendedahan skop kerja berkaitan program pengajian. Skop kerja memainkan peranan yang penting dalam latihan industri agar tugas yang diberikan kepada pelajar latihan industri tidak tersasar daripada objektif latihan atau dipergunakan oleh pihak tertentu terhadap pelajar. Melalui skop kerja ini secara tidak langsung kemahiran profesional diterapkan kepada pelajar. Kebanyakan pelajar yang mengikuti latihan industri telah diberikan skop kerja atau tugas yang berkait dengan bidang pengajian mereka. Walaubagaimanapun, masih terdapat juga pelajar yang tidak diberikan tugas yang berkait dengan bidang pelajar bahkan terlalu tersasar daripada program pengajian pelajar. Ini sedikit sebanyak memberi kecacatan pada keberkesanan kursus latihan industri kerana pelajar tidak diberikan ruang untuk menonjolkan kebolehan dan kemahiran sedia ada pada dirinya.

Isu kebolehpasaran graduan pula menjadi elemen penting yang sering dikaji oleh penyelidik kini. Strategi Politeknik Malaysia dengan menawarkan kursus latihan industri pada semester akhir pengajian

pelajar memberi impak terhadap perkara ini. Melalui hasil kaji selidik, terdapat lebih daripada separuh pelajar yang telah ditawarkan jawatan atau kerja ditempat dimana pelajar menjalani latihan industri. Ini menunjukkan pelajar politeknik masih menjadi pilihan industri. Walaubagaimanapun, kajian yang lebih mendalam perlu dilaksanakan kerana daripada kajian ini, hampir separuh sahaja yang menerima tawaran tersebut. Banyak faktor yang dikenalpasti seperti lokasi, jumlah gaji, ingin meneruskan pengajian dan sebagainya menjadi penyumbang kepada penolakan tawaran pekerjaan.

8.0 KESIMPULAN

Kajian ini dilaksanakan adalah untuk menilai sumbangan latihan industri terhadap peningkatan kemahiran para pelajar yang telah menjalani latihan industri. Kemahiran yang dikaji adalah kemahiran yang penting dan diperlukan oleh majikan untuk pengambilan pekerja baru. Oleh sebab itu, adalah penting para pelajar dilengkapi dengan kemahiran ini sebelum menjejaki alam pekerjaan yang sebenar. Berdasarkan dapatan kajian, majoriti majikan telah menerapkan kemahiran ini kepada para pelajar. Tahap penerimaan kemahiran dan penguasaan kemahiran para pelajar juga menunjukkan ianya berada pada tahap tinggi. Walaubagaimanapun, mungkin terdapat kemahiran lain yang mungkin diperlukan untuk kajian pada masa hadapan. Di samping kemahiran yang dikaji, para pelajar juga telah memberi maklum balas mengenai skop kerja yang diberikan kepada mereka. Kebanyakan masih berada dalam julat yang boleh diterima. Mungkin dengan sedikit penambahbaikan terhadap sistem pengurusan unit latihan politeknik dan industri mampu memberi lebih nilai tambah terhadap skop kerja yang sedia ada. Peluang yang pihak industri berikan terhadap pelajar latihan industri politeknik amatlah luas. Ini bukan sahaja meliputi bagi memenuhi keperluan untuk mencukupi syarat graduan pelajar, bahkan turut ditawarkan peluang kerja seurus tamat latihan industri. Pelajar yang akan menjalani latihan industri seharusnya membuka minda mengenai perkara ini agar mereka dapat merebut peluang yang diberikan dengan sebaik-baiknya.

9.0 RUJUKAN

- Ab Rahman, M. N., Omar, M. Z., Kofli, N. T., Mat, K., Osman, S. A., & Darus, Z. M. (2009). Assessment of engineering students perception after industrial training placement. *European Journal of Social Sciences*, 8(3), 420–431.
- Bakar. M. J, Harun. R. J, K. Y. N. C. (2013). (2011). Business and Accounting Students' Perceptions on Industrial Internship Program. *Journal of Education and Vocational Research Vol. 1, No. 3, Pp. 72-79, June 2011, 53(9)*, 1689–1699.
- Datta, A., Kumar Biswakarma, S., & Bandana Nayak, D. (2013). Effect of Internship on Career Perception of Hotel Management Students. *ZENITH International Journal of Multidisciplinary Research*, 33(1010), 2231–5780.
- Effah, B., Boampong, E., Adu, G., Anokye, R., & Asamoah, J. N. (2014). Issues of the Industrial Training Programme of Polytechnics in Ghana : The Case of Kumasi Polytechnic. *Journal of Education and Practice*, 5(5), 39–46.
- Esia-Donkoh, K., Ahmed, Amihere, K., Asonaba, & Addison, K. (2015). Assessment Of Student Internship Programme By 2013/2014 Final Year Students Of The Department Of Basic Education, University Of Education, Winneba, Ghana. Contribution/ Originality. *Humanities and Social Sciences Letters*, 3(32), 105–120.
- Idrus, H., Mohamed Noor, A., Salleh, R., & Mohd Hashim, H. (2010). An exploratory study on interns' communicative abilities: The industrial internship experience. In *2010 2nd International Congress on Engineering Education: Transforming Engineering Education to Produce Quality Engineers, ICEED2010* (pp. 1–6).
- Ismail Bin Bakar (2003). "Penjuruteraan Semula Pendidikan Teknik dan Vokasional: Satu Cetus Pemikiran dan Tinjauan" dalam *Persidangan Kebangsaan Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional*. Batu Pahat: Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
- Jalani, J., Norjali, R., Mashori, S., & Sadun, A. S. (2017). Effectiveness of the structured internship program for engineering technology students in university tun Hussein Onn Malaysia. *Advanced Science Letters*, 23(9).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015- 2025 (Pendidikan Tinggi). *Kementerian Pendidikan Malaysia.*, 2025(1), 1–240.

- Meenaloshini, S., Boosroh, M. H., & Yusoff, M. Z. (2005). Industrial Training: An Analysis on the Implementation of Industrial Training for Mechanical Engineering Students in UNITEN, 365–368.
- Muhamad, R., Yahya, Y., Shahimi, S., & Mahzan, N. (2009). Undergraduate Internship Attachment in Accounting: The Interns Perspective. *International Education Studies*, 2(4), 49–55.
- Nduro, K., Anderson, I. K., Peprah, J. A., & Twenefour, F. B. K. (2015). Industrial Training Programmes of Polytechnics in Ghana: The Pertinent Issues. *World Journal of Education*, 5(1).
- Osman, S. A., Khoiry, M. A., Rahman, N. A., Rahni, A. A. A., Mansor, M. R. A., Nordin, D., & Johar, S. (2016). The effectiveness of industrial training from the perspective of students of the civil and structure engineering department. *Journal of Engineering Science and Technology*, 11(Special Issue onpendidikankejuruteraanandalambina), 1–12.
- Patki, V., Patki, M., & August, J. (2015). Importance of Industry Training for Engineering Undergraduate students-case study. *Journal of Emerging Trends & Technology in Computer Science (IJETTCS)*, 4(4), 164–167.
- Renganathan, S., Ambri Bin Abdul Karim, Z., & Su Li, C. (2012). Education + Training Students' perception of industrial internship programme Students' perception of industrial internship programme. *Education + Training Career Development International*, 54(1), 180–191.
- Seyitoğlu, F., & Yirik, S. (2015). Internship Satisfaction of Students of Hospitality and Impact of Internship on the Professional Development and Industrial Perception. *Asia Pacific Journal of Tourism Research*, 20, 1414–1429.
- Warinda, T. (2013). Accounting Students' Evaluation Of Internship Experiences From A Skills Perspective. *International Journal of Asian Social Science*, 3(3), 783–799.